

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS  
DARIPADA**

**: DATIN MASTURA BINTI MOHD  
YAZID [ KUALA KANGSAR ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peratusan pertukaran yang melibatkan guru-guru berkahwin yang ditempatkan semula bersama di tempat asal atau berdekatan bagi mensejahterakan kehidupan rumah tangga dalam jangkamasa 5 tahun.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan dan pertukaran guru berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan. Walau bagaimanapun bagi mengatasi masalah pasangan guru yang terpaksa tinggal berasingan, KPM berusaha memberi ruang kepada guru-guru yang tinggal berasingan untuk tinggal bersama. Sehingga Julai 2016, peratusan guru yang bertukar mengikut pasangan adalah sebanyak 62 peratus iaitu 4,267 daripada 6,855 permohonan, melibatkan 2,343 guru sekolah rendah dan 1,924 guru sekolah menengah.